

07 JUN 2002

Hishammuddin-Umno

PEMUDA UMNO BERI TUMPUAN KEPADA PILIHAN RAYA UMUM

KOTA BAHARU, 7 Jun (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno telah mengemukakan cadangan agar pemilihan peringkat bahagian dan Majlis Tertinggi Umno tahun depan ditangguhkan dalam usaha memastikan Umno mencapai kemenangan besar pada pilihan raya umum kelak.

Ketuanya Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini berkata, beliau sudah menyampaikan cadangan itu kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

"Perhatian utama Pemuda sekarang ialah agenda pilihan raya, sama ada orang suka atau sebaliknya, itulah pendirian Pemuda," katanya kepada pemberita di sini.

Pada 15 Mei lepas, akhbar melaporkan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membayangkan kemungkinan pemilihan peringkat bahagian dan Majlis Tertinggi Umno tahun depan ditangguhkan sebagai persediaan menghadapi pilihan raya umum.

Beliau berkata cadangan itu dibuat kerana tidak mahu setiap anggota Umno sekarang memikirkan soal kempen untuk memenangi sesuatu jawatan dalam parti yang boleh menjejaskan tumpuan memenangi pilihan raya.

"Sekiranya pemilihan itu dibuat sebelum pilihan raya, ianya sedikit sebanyak menimbulkan pergeseran sesama sendiri sehingga melupakan isu-isu pilihan raya yang akan melemahkan Umno untuk memenangi lebih banyak kerusi," katanya.

Hishammuddin berkata golongan yang dahulunya menentang Umno terutama di Kelantan dan Terengganu yang diperintah oleh PAS, kini sudah mula mendekati Umno.

Umno mesti mengambil kesempatan daripada senario itu dengan menerangkan isu-isu semasa terutama fitnah yang ditaburkan oleh PAS dan kegagalan parti itu membangunkan kedua-dua negeri berkenaan.

Umno juga mesti mengemukakan agendanya kepada rakyat mengenai apakah yang akan dilakukan oleh Barisan Nasional (BN) sekiranya diberi peluang memerintah semula kedua-dua negeri itu, katanya.

Mengenai kegagalan PAS membangunkan Kelantan dan Terengganu, Hishammuddin berkata rakyat di negeri berkenaan mesti menilai sendiri janji-janji kosong dan fitnah yang bercanggah dengan kehendak Islam.

-- BERNAMA

WM BD ROS PR